

BAHAGIAN B

[30 markah]

1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti setiap kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

- (i) Bunyi muzik gamelan sangat unek.

- (ii) Putrajaya sekali lagi menjadi lokasi sambutan Hari Kebangsaan Malaysia yang ke67.

[2 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Mereka bantu-membantu mengatur barangan sumbangan orang ramai untuk diagihkan ke mangsa banjir.

- (ii) Rumah Encik Latif telah dipecah masuk dengan seorang lelaki yang bersenjatakan sebilah parang pada malam tadi.

[2 markah]